

AWAS dua punca keme- rosotan: PM

KUALA LUMPUR, Isnin — **Pelbagai ilmu**

Perdana Menteri, **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengingatkan umat Islam** bahawa dua punca utama kemerosotan tamadun Islam dahulu masih wujud dalam masyarakat Islam masa kini.

Dua faktor itu, kata Perdana Menteri, semasa merasmikan Pameran Antarabangsa Tamadun Islam di Muzium Negara di sini, ialah:-

■ Pemimpin-pemimpin negara Islam yang memerintah mengikut sistem feodal telah khayal dengan kemewahan hidup sehingga lupa kepada ajaran Islam. Mereka menyimpan beratus-ratus gundik untuk memenuhi kehendak nafsu mereka, sementara pemerintahan tidak dipedulikan.

■ Wujudnya kumpulan-kumpulan ulama yang membawa tafsiran Islam yang sempit. Mereka menolak semua ilmu lain sebagai sekular.

Dalam hubungan itu, Datuk Seri Dr Mahathir menggesa umat Islam bersaha dari sekarang untuk membangkitkan semula keagungan tamadun Islam apabila ini berlaku.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata tafsiran agama yang semakin sempit menyebabkan Islam terhad hanya kepada ibadat dan soal-soal seks. Soal ilmu pengetahuan, pertahanan, kemasyarakatan, kebajikan dan lain-lain yang menjadi asas peradaban sesuatu masyarakat tidak mendapat perhatian sewajarnya.

Menyingkap sejarah kegemilangan Tamadun Islam, Perdana Menteri menegaskan Islam telah berkembang secara meluas di luar Semenanjung Arab selepas wafatnya Nabi Mohamad hingga ke Sepanyol dan Perancis di barat dan China dan Filipina di timur.

"Orang-orang Islam yang membawa tamadun Islam ke tempat-tempat ini bukan sahaja arif dalam bidang agama, tetapi telah pun menerap dan melaksanakan bermacam-macam ilmu."

Daripada orang-orang Arab yang cuma tahu menggunakan unta dan kuda untuk menyeberangi padang pasir, mereka sudah menjadi satu bangsa yang tahu menyeberangi lautan, mencipta dan menggunakan kompas, pakar dalam bidang astronomi, senibina, perubatan, membedah, mencipta ilmu hi-sab, termasuk algebra, dan lain-lain selepas memeluk Islam," tambah beliau.

Katanya; ini jelas menunjukkan bahawa Islam telah membuka mata hati orang Arab jahiliah yang memeluk Islam menjadi bangsa yang berjaya.

dun Islam yang boleh mempengaruhi dunia seperti di zaman kegemilangannya dahulu.

Langkah awal

Katanya, jika dahulu orang Islam dapat menegakkan tamadun yang meliputi seluruh dunia, tidak ada sebab mengapa tamadun Islam itu tidak boleh sekali lagi mempengaruhi dunia.

Pameran yang berlangsung hingga 1 September ini dianjurkan bersama oleh *Berita Harian* dan Muzium Negara dengan kerjasama penderma-penderma tempatan dan muzium-muzium terkemuka dari Turki, Asia Karat, Pakistan, England, Indonesia, Singapura, Amerika Syarikat dan Mali.

Perdana Menteri menegaskan, walaupun sesuatu tamadun itu tidak menjelma dalam sekelip mata, umat Islam harus mengambil langkah permulaan ke arah mewujudkan tamadun yang gemilang di masa depan.

Katanya, kebangkitan tamadun Islam yang baru dan cemerlang bukanlah satu perkara yang mustahil kerana kita juga mempunyai cerdik pandai yang hampir setanding dengan tokoh-tokoh di zaman dahulu seperti Ibn Khaldun, Ibn Rushd, Ibnu Sina, Musa Al-Khwarizmi, Ibn Batuta, Tariq ibn Ziyad dan tokoh-tokoh lain yang membawa keagungan tamadun Islam.

Tetapi, katanya, mereka tidak mendapat perhatian dalam masyarakat Islam dan tidak diberi kemudahan dan peluang untuk menjalankan kaji selidik dan tidak diupah dengan sewajarnya.

Katanya, kerana rendahnya nilai mereka dalam masyarakat Islam ramai daripada mereka terpaksa berhijrah ke Eropah dan Amerika yang sanggup membekalkan apa yang mereka perlukan untuk mendalami ilmu.

"Sudah tentu hasil karya mereka diprolch oleh negara-negara yang memhcri tempat kepada mereka. Alangkah

Ya. yang terlepas ke tangan "Islam tidak m'enuit orang lain, dan orang kepada ilmu, seba-orang Islam tidak dapat liknya" telah membukamenegak dan memperta- Peluang kepada oranghankan tamadun mere-Islam menuntut ilmu dan ka.

menggunakannya untuk "Jika dahulu orang mendirikan satu tama- Eropah terpaksa menun- dun Yang teragung scka- tut ilmu dari universiti-universti Islam, hari ini

"Ilmu yang sudah ada tidak kurang daripada pada orang-orang Greek 300,000 penuntut Islam dipelajari, diselidiki dan terpaksa menuntut ilmu yang dahulunya ditero- ditokok tambah sehingga kai oleh orang Islam di akhirnya orang-orang universiti-universiti bu- Eropah trcpaksapergi ke kan Islam," tambahnya.

Di samping itu, ka- lam empayar Islam un- Di samping itu, ka- tuk menuntut ilmu," te- tanya, ramai pula orang

Islam yang berhijrah dan terpaksa tinggal di Malangnya, selepas 800 dan terpaksa tinggal di tahun, tamadun Islam di negara-negara bukan barat Eropah telah mero- Islam kerana keadaan mereka sendiri tidak

rosotannya di timur Ero- sempurna. Sambil memuji usaha di Asia Tengah pada *Berita Harian* dan Mu- zium Negara kerana

suku pertama abad ini. itu, Perdana Menteri ber- harap ia akan mem- bangkitkan semangat un- tuk sekali lagi berusaha- supaya zaman kegemil- langan Islam kembali se- mula.

Terlepas

"Kemerosotan ini ma- sih berterusan dan banyak wilavah Islam.